



<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Skim Jaminan Automasi dan Digital-i (ADGS-i). Sila juga baca <u>terma di dalam surat tawaran</u>. Minta penjelasan daripada Bank sekiranya tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya).</p>	<p><b>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD</b> 197301001433 (14328-V)</p> <p><b>SKIM JAMINAN AUTOMASI DAN DIGITAL-i (ADGS-i)</b></p> <p><b>TARIKH:</b></p>
---	--

**1. Apakah produk ini?**

[ ]	<b>Skim Jaminan Automasi dan Digital-i (ADGS-i)</b>
[ ]	<b>Kemudahan Tunai-i/Skim Jaminan Automasi dan Digital-i (CLF-i/ADGS-i)</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam semua sektor bagi akses untuk pembiayaan untuk melabur dalam pengautomasian, pendigitalan dan permodenan yang merupakan sebahagian daripada Industri 4.0.</li> </ul>

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

- Bai' Al-Inah - Merujuk pada jualan dan beli balik aset antara Bank dengan pelanggan untuk harga tertentu dengan pembayaran ditangguhkan sehingga tarikh yang ditetapkan.
- Murabahah - Kaedah jualan dengan menaikkan harga (mark-up) yang mana kos sebenar dan margin keuntungan akan dimaklumkan kepada pelanggan.

**3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?**

<b>ADGS-i</b>	
Jumlah Pembiayaan/Harga Belian oleh Bank	: RM
Margin Pembiayaan (M/F %)	:
Takaful	:
Tempoh (Tahun)	:
<b>Kadar Keuntungan</b>	
Siling/Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4%
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	:
Harga Jualan oleh Bank	: RM
<b>Ansuran Bulanan</b>	
Ansuran Bulanan	: RM
Jumlah Keuntungan perlu dibayar ialah	: RM
Harga Jualan oleh Bank atau jumlah yang tuan/puan mesti bayar balik, termasuk jumlah yang dibiayai ialah	: RM
<b>Nota: Jumlah pembayaran balik mungkin berubah jika BFR/EPR berubah.</b>	

<b>CLF-i/ADGS-i</b>	
Had Jumlah/Harga Belian oleh Bank	: RM
Tempoh (Tahun), boleh diperbaharui apabila tamat tempoh	:
<b>Kadar Keuntungan</b>	
Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: BFR + 4%
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	:
Jumlah Keuntungan perlu dibayar ialah	: RM
Harga Jualan oleh Bank	: RM



#### 4. Apakah obligasi saya?

- Pembiayaan Gadai Janji Terma Takaful (MRTT) dan dokumentasi perbelanjaan pembiayaan, tertakluk kepada Margin Jumlah Pendahuluan seperti yang diluluskan dalam Surat Tawaran.
- Bagi pembiayaan Kadar Boleh ubah, pelanggan dilindungi daripada naik turun kadar pada masa hadapan memandangkan jumlah kos pembiayaan atau kadar keuntungan maksimum adalah ditetapkan pada CPR. Sepanjang tempoh pembiayaan, pelanggan akan menikmati rebat dan bayaran ansuran yang lebih rendah selagi EPR adalah lebih rendah daripada CPR.
- Ansuran bulanan anda adalah: RM \_\_\_\_\_
- Jumlah pembayaran pada akhir \_\_\_\_\_ tahun: RM \_\_\_\_\_
- Rebate (jika berkenaan) akan diberi kepada pelanggan jika terdapat perbezaan antara CPR dan EPR.

**Nota Penting: Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran tuan/puan mungkin berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (BFR) berubah.**

Kadar	Hari ini (BFR = %)	Jika BFR naik 1%	Jika BFR naik 2%
Ansuran bulanan	RM		
Jumlah kos keuntungan pada akhir tempoh _____ tahun	RM		
Jumlah pembayaran pada akhir tempoh _____ tahun	RM		

#### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi dan Caj	Jumlah (RM)
5.1 a) Fi Pemprosesan* (jika berkenaan)	
i) Pembelian/Pembiayaan Semula	
• Sehingga RM30,000	50.00
• RM30,001 hingga RM100,000	100.00
• Melebihi RM100,000	200.00
ii) Pembelian Harta Komersial dan Peindustrian (tidak termasuk tanah) di bawah Pelan SWIFT/SMILAX	200.00
b) Fi Pendahuluan* (jika berkenaan)	
i) Kemudahan Dijamin dengan Semua Jenis Tanah (tidak termasuk Pembiayaan Penyambung)	0.10% - 0.20% daripada jumlah amaun pembiayaan tertakluk pada minimum sebanyak RM500.00
ii) Pembiayaan Penyambung	0.20% daripada jumlah amaun pembiayaan tertakluk pada minimum sebanyak RM3,000.00
* Nota: Pengiraan Fi Pemprosesan/Fi Pendahuluan bagi permohonan pembiayaan tidak termasuk amaun MRPA/MRTT/BFTT, dsb. yang dibiayai	



**5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?, sambungan**

Fi dan Caj	Jumlah (RM)
<p>5.2 Duti Setem</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setem ke atas Surat Tawaran</li> <li>• Setem ke atas Arahan Tetap</li> <li>• Setiap dokumen subsidiari seperti Surat Tolak Selesai (jika berkenaan)</li> <li>• Setem ke atas Perjanjian Utama</li> </ul>	<p>10.00</p> <p>10.00</p> <p>10.00</p> <p>Ad valorem</p>
<p>5.3 Fi Penamatan akan dikenakan sekiranya kemudahan ini dibatalkan sebelum pengeluaran.</p> <p>(Nota: <b>HANYA DIGUNA PAKAI</b> bagi kemudahan yang dicagarkan dengan <b>hartanah dan tanah sahaja</b> (dicagarkan sebahagian atau sepenuhnya). Fi ini <b>TIDAK DIGUNA PAKAI</b> bagi kemudahan yang dicagarkan sepenuhnya melalui Pelaburan Islam-i/diperuntukkan melalui deposit marginal/akaun semasa-i, pembiayaan Kerajaan/Syarikat Penjamin Kredit (CGC) tanpa cagaran.)</p>	2,000.00
<p>5.4 Fi perkhidmatan setengah tahun atas akaun Kemudahan Tunai-i jika baki kredit adalah di bawah RM1,000.</p>	10.00
<p>5.5 Fi Jaminan</p>	0.75% setahun boleh dibayar terlebih dahulu, daripada amaun perlindungan jaminan

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di [www.publicislamicbank.com.my](http://www.publicislamicbank.com.my).

**6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?**

6.1 Melainkan ditetapkan sebaliknya di bawah jenis-jenis kemudahan yang berkenaan, apabila berlaku kemungkiran Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:

- a) Kerana gagal untuk membayar ansuran bagi kemudahan mulai tarikh pengeluaran pertama sehingga tarikh kemudahan tersebut matang, kadar *ta'widh* (ganti rugi) yang dikenakan ialah satu peratus (1%) setahun atas apa-apa amaun yang lampau tempoh, atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi *ta'widh* atas ansuran lampau tempoh adalah seperti yang berikut:

$$\text{Ansuran Lampau Tempoh} \times \text{Kadar } Ta'widh \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- b) Sila maklum bahawa sekiranya akaun tuan/puan terus tertunggak dan sekiranya kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang, caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun atas baki belum jelas akan dikenakan.

$$\text{Baki Belum Jelas} \times 1\% \text{ p.a.} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$



## 6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?, sambungan

- c) Kerana gagal untuk membayar ansuran dan terus gagal untuk membayar melepasi tarikh matang kemudahan tersebut, kadar yang boleh diguna pakai adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank\* (KPP) atas baki belum jelas atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Baki Belum Jelas} \times \text{KPP} \times \text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- \* Juga dikenali sebagai “Kadar Digabung” yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk kepada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan kemungkiran dan *gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan melebihi *ta'widh*.

- d) Bank tidak akan menambah ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.

6.2 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan akaun semasa/simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau fi lain yang ditanggung dalam pemberian pembiayaan tersebut termasuk sumbangan Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemaskinikan/disemak semula, fi untuk carian, fi guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang ditanggung berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemulihan dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.

6.3 Jika tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, tuan/puan hendaklah memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar pinjaman selepas persaraan tuan/puan.

6.4 Tuan/Puan hendaklah memberikan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan saudagar yang menyediakan jualan kredit dsbnya. dan untuk memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang mempunyai kaitan dengan keputusan pembiayaan kami. Kegagalan tuan/puan untuk memberi maklumat penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut selain akibat daripada pemberian maklumat yang tidak lengkap dan tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau penolakan permohonan pembiayaan tuan/puan.

6.5 Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya tuan/puan gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Harta tuan/puan mungkin dirampas dan tuan/puan terpaksa menanggung semua kos guaman. Tuan/Puan juga bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kekurangan selepas harta tuan/puan dijual.

6.6 Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin menjejaskan penarafan kredit tuan/puan yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi tuan/puan.

6.7 Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, tanggungjawab Bank dianggap telah disempurnakan sekiranya notis sedemikian telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal.

### Terma dan syarat lain

- 1) Tuan/Puan boleh memilih untuk menggunakan panel peguam/pengendali Takaful/penilai Bank.
- 2) Berdasarkan kes, bergantung pada penilaian kredit tuan/puan oleh Bank, tuan/puan mungkin perlu menyediakan penjamin.



**7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Bank akan menawarkan rebat (ibra') yang kurang atas baki keuntungan belum diperoleh.
- Rebate (Ibra') merujuk pada tindakan seseorang yang mahu melepaskan haknya untuk memungut bayaran yang terhutang daripada orang lain. Bank boleh memberi rebat (ibra') kepada pelanggan bagi pembiayaan berasaskan jualan yang menyelesaikan kemudahannya sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.
- Contoh Pengiraan:
 

a) Rebate (Ibra')	=	Keuntungan tertunda - Caj penyelesaian awal
Contoh	=	RM98,167.98 – RM0.00
	=	<u>RM98,167.98</u>
b) Amaun penyelesaian	=	Harga jualan belum jelas + Ansuran tertunggak – Rebate (Ibra')
Contoh	=	RM267,766.53 + RM2,028.53 - RM98,167.98
	=	<u>RM171,627.08</u>
- Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

Pembiayaan Gadai Janji Terma Takaful (MRTT)             Ya                     Tidak

Takaful Kebakaran/Isi Rumah/Empunya Rumah         Ya                     Tidak

Nota:

Pelanggan boleh merujuk kepada Cawangan Bank untuk senarai panel pengendali Takaful. Bank boleh memberikan sebut harga bagi mana-mana Takaful wajib yang ditawarkan oleh panel pengendali Takaful Bank tetapi pelanggan bebas untuk menggunakan khidmat pengendali Takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, hanya amaun daripada penyedia Takaful yang diluluskan oleh Bank akan dibiayai.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Penjamin/Penjamin Korporat Diperlukan             Ya                     Tidak

Cagaran     Ya                     Tidak

**10. Apakah risiko utama?**

Kadar keuntungan mungkin berubah mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas (BFR). Peningkatan dalam BFR boleh mengakibatkan dalam pembayaran bulanan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kadar tidak melebihi Kadar Keuntungan Berkontrak.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk tuan/puan memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar kepada cawangan yang memegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.



**12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?**

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Sekiranya tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, tuan/puan boleh menghubungi kami di:

**Public Islamic Bank Berhad**  
**Tingkat 25, Menara Public Bank**  
**146 Jalan Ampang**  
**50450 Kuala Lumpur**

Telefon : 1-800-22-5555  
Faks : 03-2162 2224  
E-mel : [islamicbkg@publicislamicbank.com.my](mailto:islamicbkg@publicislamicbank.com.my)  
Laman web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh juga mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall**  
**1001, Jalan Sultan Ismail**  
**50250 Kuala Lumpur**

Telefon : 03-2616 7766  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

**Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O. Box 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Luar Negeri : 603-2174 1717  
Waktu Operasi : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)  
Web Form (Borang Web) : [telelink.bnm.gov.my](http://telelink.bnm.gov.my)

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan mengenai cara untuk memohon pembiayaan perumahan, sila layari laman web *bankinginfo* melalui [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).



**14. Pembiayaan-i lain yang Disediakan**

- Kemudahan Kredit Pusingan-i
- Pembiayaan Berjangka-i Ekuiti
- Pembiayaan Berjangka-i Ekuiti SWIFT
- Pembiayaan Berjangka-i Ekuiti SMILAX

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAGI PEMBIAYAAN TUAN/PUAN.**

Tandatangan/Tarikh: .....

Nama Pegawai/Pegawai Penjualan dan Pemasaran: .....

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.